

STPM Kertas 1 Set KVK 1:

Soalan 3

(a) Nyatakan empat maklumat yang diperolehi daripada rekod penerimaan dan pembayaran sesebuah perniagaan yang mempunyai rekod tak lengkap bagi tujuan penyediaan penyata kewangan perniagaan tersebut. (2 markah)

(b) Sayuti telah menjalankan perniagaan menjual toner pencetak secara kecilan-kecilan. Beliau tidak menyimpan sebarang rekod perakaunan. Bagi tahun berakhir 30 Jun 2020, beliau ingin mengukur keuntungan perniagaannya.

Maklumat berikut telah diperolehi daripada perbualan dengan beliau:

(1) Penyata bank bulan Julai 2019 menunjukkan baki awal sebanyak RM7,120 dan baki akhir di penyata bank bulan Jun 2020 ialah RM8,340.

(2) Maklumat berkaitan dengan akaun belum terima ialah:

- Baki pada 1 Julai 2019 RM4,710
- Baki pada 30 Jun 2020 RM6,220
- Jumlah penerimaan cek dari akaun belum terima RM29,400
- Jumlah penerimaan tunai dari akaun belum terima RM6,890
- Jualan tunai berjumlah 20% daripada jumlah jualan dan separuh daripada jualan tunai telah dibankkan.
- Margin kasar perniagaan adalah 20%.

(3) Tunai di tangan pada 30 Jun 2020 ialah RM1,350. Selain daripada penerimaan daripada akaun belum terima dan jualan tunai yang tidak dibankkan, aliran tunai lain terdiri daripada:

- Pindahan dari tunai ke bank RM11,890
- Pindahan dari bank ke tunai RM1,200
- Komisen diterima RM3,350
- Ambilan tunai bulanan RM350
- Modal tambahan RM1,500
- Bayaran untuk belanja RM2,100

(4) Semua belian telah dibuat secara cek. Inventori akhir telah dinilai sebanyak RM2,240. Sayuti telah menganggarkan kadar pusing ganti inventori sebanyak 20 kali.

[Rumus kadar pusing ganti inventori adalah: $\text{Kos jualan} / \text{Inventori purata}$]

(5) Aset bukan semasa perniagaan ini hanya terdiri daripada alatan pejabat yang telah dinilai sebanyak RM3,450 pada 1 Julai 2019. Bagi tahun berakhir 30 Jun 2020, dua buah komputer telah diperolehi untuk kegunaan perniagaan. Sebuah komputer telah dibeli secara kredit pada harga RM4,000. Pembayaran balik telah dibuat dengan cek. Separuh daripada hutang ini belum lagi dijelaskan. Komputer lain pula adalah komputer lama yang bernilai RM3,200 yang diperolehi dari sumbangan keluarga Sayuti. Nilai alatan pejabat dianggarkan akan susut sebanyak 20% atas nilai bersih awalnya.

(6) Belanja tahunan ialah RM8,125, termasuk belanja susut nilai. Bayaran cek untuk belanja-belanja berjumlah RM3,095. Belanja terdahulu pada 30 Jun 2020 adalah RM1,200.

- (7) Komisen diterima terakru pada awal tahun kewangan adalah RM220 dan terdahulu pada akhir tahun berjumlah RM510.

Dikehendaki:

- (i) Menyediakan satu penyata pengiraan modal pada 1 Julai 2019 dan pada 30 Jun 2020. (14 markah)
- (ii) Menyediakan Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. (4 markah)